

# Tinjauan Kesihatan Orang Asli 2022

## PENGENALAN

Tinjauan Kesihatan Orang Asli (OAHS) adalah tinjauan berdasarkan komuniti Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia yang pertama dijalankan oleh Institut Kesihatan Umum (IKU). Objektif utama OAHS adalah untuk membekalkan data yang komprehensif dan berdasarkan bukti kepada Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai isu-isu kesihatan yang terpilih dalam kalangan Orang Asli

## KAEDAH TINJAUAN

OAHS merupakan satu kajian keratan rentas yang menggunakan pensampelan rawak berperingkat. Pensampelan ini meliputi semua populasi Orang Asli yang menetap di unit kediaman bukan berinstansi. Sebanyak 68 daripada 853 buah kampung Orang Asli telah dipilih secara rawak dan seramai 15,950 Orang Asli telah mengambil bahagian dalam tinjauan ini, dengan kadar respons keseluruhan sebanyak 89.9%

## FAKTA UTAMA

### KESIHATAN IBU & ANAK

#### Liputan Imunisasi Kanak-Kanak

(Kanak-kanak, 12-23 bulan)

- Liputan vaksinasi yang disahkan melalui : 60.7% buku rekod kesihatan

#### Morbiditi Kanak-Kanak

(Kanak-kanak, 0-59 bulan)

- Masalah cirit-birit : 8.9%
- Jangkitan saluran pernafasan akut (ARI) : 2.2%

#### Status Penyusuan

(Kanak-kanak, 0-59 bulan)

- Pernah menyusu susu ibu ( $\leq 24$  bulan) : 94.0%
- Penyusuan ibu secara eksklusif ( $\leq 6$  bulan) : 64.4%

### Kesihatan Ibu & Perancang Keluarga

(Wanita, 15-49 tahun)

- Kehamilan remaja (15-19 tahun) : 4.6%
- Kelahiran tidak selamat : 2.7%
- Penggunaan kontraseptif moden : 53.3%

### Anemia

(Wanita tidak hamil, 15-49 tahun)

- Ringan : 22.5%
- Sederhana : 14.2%
- Teruk : 1.9%
- Prevalens keseluruhan : 38.6%

### PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT & FAKTOR RISIKO

#### Diabetes

(Dewasa, 18 tahun dan ke atas)

- Telah didiagnosa menghidap kencing manis : 4.4%
- Tidak tahu menghidap kencing manis : 11.6%
- Prevalens keseluruhan : 16.1%

#### Tekanan Darah Tinggi

(Dewasa, 18 tahun dan ke atas)

- Telah didiagnosa menghidap tekanan darah tinggi : 10.7%
- Tidak tahu menghidap tekanan darah tinggi : 20.8%
- Prevalens keseluruhan : 31.5%

#### Kolesterol Tinggi

(Dewasa, 18 tahun dan ke atas)

- Telah didiagnosa menghidap kolesterol tinggi : 5.9%
- Tidak tahu menghidap kolesterol tinggi : 39.9%
- Prevalens keseluruhan : 45.8%

#### Tembakau

(15 tahun dan ke atas)

- Penghisap produk tembakau : 31.4%
- Penghisap rokok yang dikilangkan : 30.7%
- Pengguna produk tembakau tanpa asap : 3.7%
- Pengguna rokok elektronik / vape : 2.3%

#### Pengambilan Alkohol

(Dewasa, 18 tahun dan ke atas)

- Minum alkohol pada masa sekarang : 10.4%
- Minum alkohol secara berlebihan : 41.1%
- Minum alkohol sehingga memudaratkan : 9.4%

## PENYAKIT BERJANGKIT

### Tuberkulosis (TB)

(15 tahun dan ke atas)

- Pernah menghidap TB : 3.2%
- Mempunyai gejala seperti TB : 6.7%

## PEMAKANAN & STATUS PEMAKANAN

### Ketidakjaminan Makanan

(Semua ketua isi rumah)

- Sederhana atau teruk : 17.6%
- Teruk : 6.0%

### Status Pemakanan

(Kanak-kanak, 0-59 bulan)

- Berat lahir rendah : 24.4%
- Kurang berat badan : 32.9%
- Bantut : 43.8%
- Susut : 12.3%
- Lebih berat badan : 6.7%
- Masalah pemakanan akut (sederhana) : 11.3%

(Kanak-kanak dan remaja, 5-17 tahun)

- Kurang berat badan : 31.9%
- Bantut : 29.0%
- Kurus : 9.3%
- Lebih berat badan : 11.2%
- Obesiti : 10.0%

(Dewasa, 18 tahun dan ke atas)

- Kurang berat badan : 9.2%
- Lebih berat badan : 28.2%
- Obesiti : 22.2%
- Obesiti abdomen : 46.1%

## AMALAN KEBERSIHAN

### Amalan Kebersihan Diri

(7 tahun dan ke atas)

- Tidak mencuci tangan sebelum makan : 1.0%
- Tidak mencuci tangan selepas membuang air besar : 2.3%
- Tidak mandi setiap hari : 13.7%
- Tidak memakai kasut di luar rumah pada setiap masa : 7.5%

## TINGKAH LAKU MENDAPATKAN JAGAAN KESIHATAN & PENGGUNAAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN

### Penilaian Kendiri Persepsi Kesihatan Diri

(13 tahun dan ke atas)

- Sangat bagus dan bagus : 88.1%
- Sederhana : 10.6%
- Tidak bagus dan sangat tidak bagus : 1.2%

(Semua peringkat umur)

- Penilaian kendiri masalah kesihatan akut dalam dua minggu lalu : 20.6%

### Penggunaan Jagaan Kesihatan dalam tempoh 12 bulan

(Semua peringkat umur)

- Jagaan kesihatan pesakit dalam : 3.6%
- Jagaan kesihatan pesakit luar : 18.1%

## STATUS PENJAGAAN MULUT & GIGI

(2 tahun dan ke atas)

- Penggunaan perkhidmatan jagaan kesihatan mulut : 29.3%

(13 tahun dan ke atas)

- Tingkah laku mendapatkan maklumat penjagaan kesihatan mulut : 51.8%
- Tabiat mengunyah sirih pinang : 45.5%

Untuk maklumat lanjut, sila imbas kod QR ini:



Institut Kesihatan Umum (IKU)

Institut Kesihatan Negara (NIH)

1, Jalan Setia Murni U13/52,

Seksyen U13, Setia Alam

40170 Shah Alam, Selangor

[iku.nih.gov.my/oahs](http://iku.nih.gov.my/oahs)